

PENERAPAN NILAI PATRIOTISME DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN: KEFAHAMAN DAN CABARAN YANG DIHADAPI GURU SEJARAH

Nurhijrah Zakaria PhD
Hamidi Salleh
Sheffudin Muhammad
nurhijrah@ipgm.edu.my
hamidi@ipgm.edu.my
sheffudin@ipgm.edu.my
Jabatan Sains Sosial

IPG Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Nerus, Terengganu

ABSTRAK

Penerapan nilai patriotisme di sekolah merupakan satu perkara penting bagi melahirkan generasi muda yang cinta kepada negara. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan meneroka kaedah yang digunakan oleh guru Sejarah dalam menerapkan nilai patriotisme dalam kalangan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian kes ini telah dibuat terhadap tiga orang guru Sejarah yang berpengalaman di sekolah rendah di daerah Kuala Nerus, Terengganu. Pengumpulan data dibuat melalui kaedah temu bual bersemuka dan juga secara dalam talian yang menggunakan protokol temu bual separa berstruktur dan senarai semak. Data dianalisis menggunakan pendekatan bertema dan proses triangulasi dibuat bagi tujuan pengesahan dan kebolehpercayaan data kajian. Guru memahami konsep penerapan tetapi kurang jelas kaedah untuk penerapan nilai yang berkesan. Cabaran yang dihadapi oleh guru sejarah dalam menerapkan nilai patriotisme ialah kekangan masa, kemahiran guru, fokus guru dan pengaruh persekitaran. Kajian ini memberi implikasi kepada penambahbaikan dalam amalan pengajaran penerapan nilai patriotisme dalam kalangan guru Sejarah di sekolah rendah. Kaedah penerapan nilai yang berkesan perlu diamalkan dan dicuba oleh guru-guru bagi membentuk jiwa patriotik murid.

Kata kunci : *patriotisme, penerapan nilai, Sejarah KSSR, kefahaman guru*

PENGENALAN

Hamidi et al. memetik Griffin (2005) mengenai maksud patriotisme iaitu perkataan yang berasal daripada perkataan Greek iaitu “patriotes” (*fellow countrymen*) yang merujuk kepada individu mahupun kumpulan yang berada di hadapan dalam usaha membela tanah air. Kebanyakan definisi patriotisme yang digunakan pada hari ini merujuk kepada konsep yang dijelaskan oleh sarjana terdahulu seperti Doob (1964), Homes & Van Marle (1959) dan Kenner (2004) iaitu mengenai perasaan cintakan tanah air. Istilah ini turut diberi definisi yang sama oleh Kamus Dewan Bahasa (2004), patriotisme merujuk kepada perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air. Selain cinta yang mendalam kepada tanah air sendiri, Homes & Van Marle (1959) menambah, patriotisme perlu dizahirkan melalui usaha mencapai matlamat dan aspirasi negara. Bagi sarjana seperti Gomberg (2002) dan MacIntyre (1995) patriotisme merujuk kepada kepercayaan individu atau kelompok masyarakat untuk mempertahankan tanah airnya daripada anasir-anasir jahat. Bern (1997) menerangkan patriotisme sebagai perasaan bangga dan cinta kepada negara serta kesediaan untuk berkorban apa saja demi kepentingan negara. Sehubungan dengan itu Nordin (2003) memperkukuhkan lagi definisi dengan menghubungkaitkan konsep patriotisme dengan tingkah laku seseorang yang menjurus kepada kecintaan dan kesetiaan kepada negara. Saifuddin (2005) berpandangan konsep patriotisme ini mungkin berubah mengikut masa dan keadaan pada masa akan datang.

Semangat patriotisme penting dalam kalangan rakyat sesebuah negara kerana ia merupakan satu alat untuk menimbulkan persefahaman dan penyatuan, pemacu kemajuan negara dan pelaburan strategik keselamatan negara (Ku Hasnita & Mohd Haizam 2011). Perasaan kecintaan kepada negara yang sama dapat melahirkan rasa kekitaan dan kebersamaan yang secara tidak langsung akan mewujudkan persefahaman dalam kalangan rakyat di negara ini. Negara yang rakyatnya bersatu padu akan lebih mudah mencapai kemajuan berbanding dengan negara yang sering berkonflik. Warganegara yang telah menjiwai nilai-nilai patriotisme serta mempraktikkannya akan dapat menyumbang untuk memacu kemajuan negara kerana mempunyai hala tuju yang jelas (Ku Hasnita & Mohd Haizam 2011). Rakyat yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi lebih bertanggungjawab untuk menjaga dan mempertahankan keselamatan negara kerana kecintaan terhadap tanah air sendiri. Semangat patriotik dapat dijadikan benteng untuk menangkis ancaman anasir negatif akibat proses pembangunan dan persaingan era globalisasi.

Semangat patriotisme ini perlu dipupuk ke dalam setiap jiwa rakyat Malaysia sejak kecil lagi. Pendidikan adalah wadah terbaik untuk membangunkan jiwa dan nilai patriotisme agar semangat ini dapat ditanam lebih awal dan diperkukuhkan dan dibugarkan dari masa ke semasa. Falsafah Pendidikan Kebangsaan menterjemahkan nilai patriotisme dalam pendidikan melalui usaha untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan,

berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Akta Pendidikan 1996). Pemupukan semangat patriotisme dalam kalangan murid dinyatakan dengan jelas di bahagian aspirasi murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Semangat patriotik perlu dipupuk dalam diri setiap murid dengan cara memahami sejarah negara dan berkongsi aspirasi yang sama untuk masa depan negara (KPM 2014). Dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), penghayatan semangat patriotisme dan perpaduan merupakan salah satu elemen yang diberi fokus dalam tunjang Kemanusiaan. Dalam sukatan pelajaran bidang kemanusiaan, mata pelajaran Sejarah dilihat sebagai wadah terbaik dalam menyampaikan mesej pendidikan kewarganegaraan dan pemupukan semangat patriotisme.

Di peringkat sekolah rendah, Sejarah adalah mata pelajaran teras dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang wajib dipelajari oleh semua murid mulai Tahun 4 sehingga Tahun 6. Di peringkat sekolah menengah, mata pelajaran ini juga wajib dipelajari dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Kurikulum Sejarah di peringkat sekolah rendah bertujuan untuk mendedahkan murid dengan perkembangan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengamalan nilai serta penerapan semangat jati diri sebagai warganegara Malaysia. KSSR Sejarah bertujuan untuk melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan sejarah, memahami perkembangan sejarah tanah air dan memiliki kesedaran sejarah serta meningkatkan semangat cinta akan negara (Bahagian Pembangunan Kurikulum).

KSSR Sejarah direka bentuk secara bersepadu yang merangkumi elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai. Pengetahuan sejarah yang diberi fokus dalam kurikulum yang digubal merangkumi pengetahuan sejarah yang terdiri daripada Sejarah Awal Negara, Kedaulatan Negara dan Kemakmuran Negara Kita. Manakala elemen kemahiran memberi fokus kepada Kemahiran Pemikiran Sejarah yang asas serta penerapan nilai melalui Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik untuk melahirkan murid yang cinta kepada negara. Kesepaduan aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai ini dijangka dapat memberi pemahaman kepada murid dalam membina jati diri sebagai rakyat Malaysia. Memandangkan nilai patriotisme mampu mempengaruhi pembinaan sebuah negara bangsa, nilai tersebut perlu disemai ke dalam diri pelajar melalui Pendidikan Sejarah kerana mereka merupakan generasi muda yang akan mencorakkan pembangunan dan kepimpinan negara pada masa depan (Anuar et al. 2015).

TINJAUAN LITERATUR

Patriotisme merupakan satu isu kritikal yang sering dibincangkan bukan sahaja di dalam negara malah di negara-negara lain juga. Kebimbangan masyarakat

ialah mengenai kurangnya semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda. Walaupun lebih setengah abad Malaysia merdeka, isu melahirkan masyarakat yang patriotik masih menjadi cabaran utama sistem pendidikan di negara ini. Isu kelunturan semangat nasionalisme dalam kalangan generasi muda hari ini kerana kurangnya kesedaran di kalangan mereka mengenai cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh mereka bagi menjalankan tanggungjawab sebagai warganegara (Wong 2005; Chua 2007). Situasi ini wujud kerana generasi yang lahir selepas merdeka menikmati segala peluang yang tersedia tanpa menyedari pahit jerih yang terpaksa diharungi oleh generasi terdahulu (Abdul Aziz, Abdul Razaq, Mohd Mahzan dan Jamil, 2015).

Kajian oleh Fatih et al. (2016) terhadap 14 orang guru Pengajian Sosial mengenai kefahaman tentang penerapan konsep patriotisme melalui pendidikan mendapati, guru mengakui kecintaan dan kesetiaan kepada negara merupakan indikator paling signifikan dalam semangat patriotisme. Selain itu, kesedaran terhadap sejarah negara, perkongsian nilai budaya dan kebebasan serta kedaulatan wilayah juga adalah elemen penting untuk membugarkan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar. Patriotisme juga tidak semestinya diajar dalam mata pelajaran pengajian sosial, malah boleh diajar dalam mata pelajaran yang lain. Untuk memupuk semangat patriotisme, kemahiran pemikiran kritikal juga perlu dilatih kepada pelajar di samping mengamalkan nilai menghormati dan toleransi.

Haminah (2007) yang menjalankan kajian tinjauan terhadap 287 orang guru Sejarah mengenai persepsi guru Sejarah terhadap pemupukan patriotisme dalam Pendidikan Sejarah mendapati guru melihat patriotisme dalam konteks yang agak sempit iaitu dalam lingkungan cinta kepada diri, keluarga dan masyarakat sahaja. Guru juga didapati kurang berjaya menterjemahkan nilai patriotisme semasa proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan. Kegagalan penerapan nilai patriotisme secara berkesan disebabkan kebanyakan guru mengabaikan unsur patriotisme dan nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana lebih menekankan pengajaran fakta-fakta sejarah yang terdapat di dalam buku teks (Anuar et al. 2015).

Penerapan nilai dalam PdP boleh dilaksanakan secara langsung mahupun tidak langsung. Lickona (1993) yang mengasaskan pendidikan karakter, telah mencadangkan pengajaran nilai secara langsung. Mohamad Noor (2006), menjelaskan keperluan pembelajaran nilai patriotisme dilaksanakan melalui perbincangan secara langsung sebagai satu nilai moral. Guru juga dicadangkan menggunakan kepelbagaian sumber pembelajaran bagi tujuan penerapan nilai patriotisme. Guru Sejarah perlu sedar bahawa dalam DSKP Sejarah KSSR, nilai patriotisme dijemakan sebagai elemen kewarganegaraan dan nilai sivik dijadikan satu standard pembelajaran yang perlu dicapai dalam PdP.

PENYATAAN MASALAH

Isu kelunturan semangat patriotisme dalam kalangan generasi agak membimbangkan kerana memberi kesan kepada pembentukan jati diri dan modal insan generasi muda pada masa akan datang. Kajian Anuar (2001) mengenai penerapan semangat patriotisme dalam kalangan guru Sejarah di beberapa buah sekolah di Negeri Sembilan mendapati 76% guru tidak bersedia untuk melakukan penerapan unsur patriotisme semasa pengajaran walaupun menyedari kepentingannya. Isu ini turut memberi tempas kepada sistem pendidikan di negara kita. Nilai-nilai patriotisme perlu dijiwai oleh setiap anggota masyarakat di Malaysia. Semangat patriotisme perlu diselitkan dalam pendidikan negara terutama dari sekolah rendah dan pendidik perlu menyemai semangat patriotisme dengan lebih kreatif supaya pelajar dapat menjiwai dengan lebih mendalam (Muhamad Azian & Mohamed Ali Haniffa 2018).

Guru perlu memainkan peranan yang penting dalam penerapan nilai patriotisme kerana nilai ini merupakan salah aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang perlu dicapai. Kajian oleh Ku Hasnita dan Mohd Haizam (2011) dalam mendapati proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah dan menengah mampu menjadi alat bagi pemahaman, pemupukan dan pemerksaan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar (Muhamad Azian & Mohamed Ali Haniffa 2016). Di negara ini, kajian mengenai semangat patriotisme telah banyak dikaji oleh pengkaji tempatan terutamanya mengenai tahap patriotisme, pemupukan semangat patriotisme dan penelitian konsep patriotisme dan elemen-elemen patriotisme dalam teks .

Walaupun telah banyak kajian telah dilaksanakan, namun kajian mengenai bagaimana guru menerapkan nilai-nilai patriotisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran masih kurang dijalankan. Anuar (2001) yang mengkaji pelaksanaan nilai patriotisme dalam kalangan guru Sejarah di beberapa buah sekolah di Melaka dan Negeri Sembilan mendapati 76% daripada guru-guru Sejarah tidak bersedia untuk menerapkan nilai patriotisme semasa proses pengajaran walaupun sedar akan kepentingannya. Malah, guru-guru tersebut juga tidak menerapkan nilai patriotisme secara berterusan kepada pelajar. Haminah (2007) yang menjalankan kajian mengenai persepsi guru Sejarah terhadap pemupukan patriotisme dalam Pendidikan Sejarah yang melibatkan seramai 287 orang guru Sejarah telah mendapati wujud ketidakupayaan dalam kalangan guru untuk menterjemahkan nilai patriotisme semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Kebanyakan guru dilihat turut mengalami kesukaran untuk mengintegrasikan nilai-nilai patriotisme dalam sesetengah tajuk yang terkandung di dalam kurikulum Sejarah. Selain itu, terdapat juga guru Sejarah yang melihat patriotisme dalam konteks yang agak sempit iaitu dalam lingkungan cinta kepada diri, keluarga dan masyarakat sahaja. Kajian ini dilaksanakan secara tinjauan, cara pelaksanaan untuk menerapkan nilai-nilai patriotisme ini tidak dapat diteliti secara mendalam. Oleh

kerana, pemupukan nilai patriotisme kepada pelajar perlu dilaksanakan sejak peringkat awal lagi, maka kajian mengenai penerapan patriotisme dalam PdP oleh guru sekolah rendah perlu diteroka.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang menggunakan reka bentuk kajian kes ini telah dibuat terhadap tiga orang guru Sejarah yang berpengalaman di sekolah rendah di daerah Kuala Nerus, Terengganu. Kajian ini bertujuan untuk meneroka cara guru mengintegrasikan nilai patriotisme dalam kalangan murid sekolah rendah melalui proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Peserta kajian dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan iaitu subjek yang boleh memberi data yang maksimum dan bermakna kepada kajian. Maklumat lanjut mengenai peserta kajian adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Latar belakang peserta kajian

| Kod Peserta Kajian | Jantina | Umur | Pengalaman mengajar (tempoh) | Tanggungjawab mengajar (Tahun 4 / Tahun 5 / Tahun 6) |
|--------------------|-----------|------|------------------------------|---|
| PK1 | Perempuan | 40 | 15 | 4,5 |
| PK2 | Lelaki | 45 | 19 | 5,6 |
| PK3 | Lelaki | 37 | 12 | 4,6 |

Pengumpulan data dibuat melalui kaedah temu bual dan juga refleksi sendiri peserta kajian. Berg (2004) mendefinisikan temu bual sebagai perbualan yang mengambil tempat dengan sesuatu matlamat atau tujuan. Pengkaji menyesuaikan proses pengumpulan data dengan kebiasaan baharu dalam situasi penularan wabak Covid-19 yang sedang melanda seluruh dunia dengan melaksanakan temu bual bersemuka dengan ketiga-tiga peserta kajian secara dalam talian melalui *Google Meet*. Temu bual secara berkumpulan (*Focus Group*) ini dapat menjimatkan masa serta dapat mencungkil lebih banyak idea kerana setiap peserta kajian dapat memberi respon dan berkongsi jawapan terhadap isu yang dikemukakan. Temu bual diadakan secara informal dengan menggunakan protokol temu bual separa berstruktur.

Temuduga separa struktur merupakan teknik utama yang digunakan oleh kebanyakan pengkaji di lapangan kerana pengkaji lebih fleksibel menggunakan protokol yang disediakan disamping *probing* dapat dibuat bagi mendapatkan data yang lebih luas dan mendalam (Gilham 2000). Peserta kajian

juga membuat refleksi sendiri mengenai penerapan nilai patriotisme dengan menggunakan borang senarai semak. Data temu bual dan data daripada borang senarai semak dianalisis menggunakan pendekatan analisis bertema. Data juga dibuat pembersihan terlebih dahulu dan melalui proses triangulasi bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data kajian.

SOALAN KAJIAN

Soalan kajian adalah seperti berikut :

1. Apakah kefahaman guru Sejarah mengenai nilai patriotisme semasa proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah?
2. Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru Sejarah untuk menerapkan nilai patriotism?

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian 1: Apakah kefahaman guru Sejarah mengenai konsep penerapan nilai patriotisme semasa proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah?

Berdasarkan analisis terhadap data temu bual, didapati peserta kajian menjelaskan kefahaman mereka mengenai penerapan nilai patriotisme semasa proses PdP Sejarah berdasarkan aspek kepentingan, pelaksanaan dan tanggungjawab. Penerangan PK mengenai aspek ini adalah seperti berikut:

a. Kepentingan nilai patriotisme

Semua PK mengakui penerapan nilai patriotisme dapat perlu dilaksanakan oleh guru semasa PdP kerana dapat melahirkan murid yang berjiwa patriotik, murid yang mempunyai perasaan sayang, patuh dan taat setia negara. PK1 ada menjelaskan bahawa setiap kali mengajar guru perlu memasukkan elemen kewarganegaraan. Elemen kewarganegaraan dan nilai sivik merupakan salah satu elemen yang wajib dipelajari oleh pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. PK3 juga menambah bahawa penerapan nilai patriotik juga dapat menjadikan murid lebih memahami tanggungjawab mereka kepada negara.

b. Pengajaran nilai patriotisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah

Semua PK bersependapat bahawa kefahaman guru mengenai konsep penerapan unsur patriotisme dalam PdPc mempengaruhi tingkahlaku patriotisme murid. Walaupun semua PK mengakui penerapan nilai patriotisme adalah satu perkara penting, tetapi keberkesanan pelaksanaannya bergantung

kepada pengajaran guru. Bagi PK1, guru perlu sentiasa menerapkan nilai patriotisme dalam PdP masing-masing. Penjelasan PK1 adalah seperti berikut:

“ patriotisme ni memang kena ajar kepada murid sejak di bangku sekolah, tapi cikgu kena selalu buat, baru melekat kat hati. Mana murid yang ok.. ok la. Mana yang tak mau belajar.... tak dapat faham juga apa yang kita (PK1)”

PK2 bersetuju pembelajaran murid bergantung kepada pengajaran guru. Menurutnyanya: “murid akan belajar apa yang diajar oleh guru. Jika hari ini guru mengajar tentang Taat Setia kepada negara, maka murid akan belajar perkara yang sama. Cuma guru buat sesuatu untuk memastikan mereka dapat belajar”. PK3 menambah, “jika seseorang guru dapat merancang dengan baik, mengajar dengan baik, insyaAllah murid akan belajar dengan baik”. PK3 juga berpandangan, jika guru memahami dan mahir menggunakan pelbagai kaedah dalam penerapan nilai dalam PdPc, hasrat negara untuk mencapai pendidikan bertaraf dunia serta para pelajar di negara ini akan menguasai unsur patriotisme seperti semangat cintakan negara, semangat kekitaan, berbangga sebagai rakyat Malaysia, berdisiplin, bersyukur, tabah menghadapi cabaran, mematuhi peraturan, berakhlak dan berbudi pekerti, menghargai, mengamalkan tradisi dan budaya bangsa dapat dicapai dengan sempurna. Walau bagaimanapun PK1 menyatakan, ramai dalam kalangan guru sejarah kurang menitikberatkan unsur patriotisme dalam PdPc. PK2 menambah, guru hanya mencatat unsur patriotisme dalam PdPc tetapi dalam aktiviti tidak diterap secara eksplisit atau sekadar menyebut sahaja.

PK3 juga mengakui segelintir guru sejarah tidak menguasai sejarah negara dan kurang mampu berhujah mengenai tokoh- tokoh sejarah negara, kurang kritikal dan analitikal dalam membuat penilaian dalam sesuatu isu negara. PK1 juga mengakui terdapat guru yang kurang memahami bagaimana untuk menerapkan unsur patriotisme kerana mereka sendiri kurang jelas mengenai pengetahuan tentang kenegaraan seperti kurang menghayati Rukun Negara dan kurang mengenali makna dan lambang-lambang negara seperti Jata Negara. PK1 menyatakan fenomena ini boleh menjejaskan hasrat melahirkan murid yang berakhlak mulia, peka serta yakin menghadapi cabaran dalam era globalisasi.

c. Tanggungjawab

Semua peserta kajian berpandangan, guru Sejarah perlu menjadi orang yang bertanggungjawab memupuk semangat patriotisme kepada murid. PK1 menjelaskan : “kalau di sekolah... biasanya cikgu Sejarahlah yang kena banyak terapkan patriotisme kepada murid sebab ada dalam sukatan pelajaran”. Tetapi hal ini disanggah oleh PK2. PK2 menegaskan tugas menanam semangat patriotik bukan hanya pada guru Sejarah, malah tanggungjawab ini perlu digalas oleh guru-guru yang lain. Beliau juga tidak menafikan bahawa tugas

banyak diberi kepada guru Sejarah kerana nilai-nilai patriotisme ini perlu diajar dalam mata pelajaran Sejarah.

Dapatan kajian 2 : Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru Sejarah untuk menerapkan nilai patriotisme.

Berdasarkan analisis terhadap data temu bual, didapati peserta kajian menghadapi masalah berikut untuk menerapkan nilai patriotisme dalam kalangan pelajar sekolah rendah iaitu :

a. Masa PdP yang tidak mencukupi

Waktu PdP Sejarah hanya diperuntukan selama 30 minit tidak mencukupi bagi guru untuk menerapkan unsur patriotisme secara berkesan. Masa 30 minit itu juga terpaksa digunakan untuk mengurus murid sebelum murid bersedia untuk belajar. Semua peserta kajian bersependapat bahawa masa yang benar-benar PdP hanya 20 minit sahaja. PK1 menyatakan, banyak gangguan kelas jika PdP bermula awal pagi atau selepas rehat ataupun waktu yang terakhir. Jika waktu pagi, P2 memberitahu, guru terpaksa mengambil masa PdP untuk menguruskan kehadiran ataupun mengambil suhu murid untuk menyesuaikan dengan keadaan normal baharu sebelum PdP dapat dijalankan. PK3 menambah, guru juga perlu mengambil masa PdP untuk menguruskan tingkah laku murid agar mereka bersedia mengikuti pembelajaran pada waktu itu.

b. Guru mementingkan penyampaian fakta sejarah berbanding penerapan nilai

Semua peserta kajian mengakui masa PdP Sejarah yang singkat menyebabkan beliau banyak menyampaikan isi kandungan pembelajaran kepada murid berbanding dengan penghayatan nilai patriotisme itu sendiri. Murid diminta untuk mengingat fakta-fakta Sejarah yang terkandung dalam buku teks. PK2 turut mengakui standard kandungan Sejarah KSSR yang ditetapkan agak tinggi menyebabkan murid agak sukar untuk mencapai standard pembelajaran yang ditetapkan termasuklah objektif pembelajaran berkaitan dengan nilai patriotisme. PK3 menambah semasa PdP beliau banyak bertanya murid tentang fakta yang berkaitan dengan tajuk pelajaran pada masa itu sebagai salah satu cara untuk menguji kefahaman murid tentang apa yang dipelajari berbanding dengan penghayatan nilai patriotisme. PK3 juga mengakui beliau hanya dengan menyebutnya sahaja semasa PdP. PK2 menambah, pengetahuan sedia ada murid yang sedikit mengenai sejarah menjadikan penerapan nilai patriotisme tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana guru mengutamakan penyampaian tentang isi pelajaran yang harus dipelajari oleh murid.

c. Guru kurang pelbagaikan aktiviti pembelajaran khusus untuk penerapan nilai patriotism

Berdasarkan analisis data temu bual juga, didapati guru kurang mempelbagaikan aktiviti penerapan nilai. Semua PK mengakui, penerapan nilai patriotisme banyak dilakukan secara tidak langsung semasa proses PdPc. PK menyatakan mereka akan menyelitkan unsur-unsur patriotisme dalam PdPc bergantung kepada topik yang diajar. PK1 menyatakan : saya terangkan nilai patriotisme seperti menghargai sumbangan tokoh kemerdekaan supaya murid faham. PK2 pula menyatakan : “kadang-kadang saya sebut nilai patriotisme tu bila terlintas je.. ikut pada apa yang diajarlah”. PK3 mengakui bahawa beliau merancang aktiviti pembelajaran dengan memberi fokus kepada fakta dalam buku teks sebab murid selalu tak ingat. Penerapan nilai patriotisme memang dibuat secara sisipan sahaja. Peserta kajian mengakui mereka agak kurang mahir dalam menerapkan unsur-unsur patriotisme secara berkesan. Perkara ini dinyatakan oleh PK2 dan PK3. PK2 mengakui bahawa beliau kurang mengetahui kaedah apa yang sesuai untuk menerapkan nilai patriotisme. Kebanyakan kaedah yang digunakan adalah menerangkan nilai-nilai patriotisme yang perlu dihayati oleh murid. Beliau juga mengakui agak sukar untuk mengetahui sama ada murid sudah menghayati nilai yang diajar atau tidak. Apa yang boleh dikesan ialah dengan meminta murid menyebut kembali nilai-nilai yang diajar oleh guru. PK3 juga bersependapat bahawa banyak menyoal kembali murid mengenai nilai-nilai patriotisme yang dipelajari.

d. Gangguan karenah murid

Tingkah laku murid yang negatif semasa PdPc seperti membuat bising, mengganggu rakan juga menjadi cabaran kepada guru untuk menerapkan nilai patriotisme. Kelas yang tidak terkawal menyebabkan guru sukar untuk melaksanakan aktiviti bagi mencapai standard pembelajaran yang dirancang. PK 1 mengakui , jika guru tidak dapat mengawal kelas, pembelajaran terganggu dan penerapan nilai patriotisme juga selalunya tidak dapat dilaksanakan secara berkesan. Ini kerana guru terpaksa mengambil masa untuk menguruskan tingkah laku murid agar murid bersedia untuk belajar. PK2 juga bersetuju bahawa jika murid banyak karenah di dalam bilik darjah semasa sesi PdPc, banyak objektif pembelajar sukar untuk dicapai. PK3 juga menambah bahawa bagi menjayakan apa-apa objektif pembelajaran, guru seharusnya dapat mengawal kelas dan tingkah laku murid. Sekiranya cabaran ini tidak dapat diatasi, usahakan pembelajaran nilai, objektif pembelajaran yang lain juga tidak dapat dicapai

e. Pengaruh persekitaran, keluarga dan media massa

PK1 dan PK2 mempunyai pandangan yang sama iaitu percanggahan pandangan antara ibubapa dan media dengan nilai patriotisme yang mahu diterapkan oleh guru juga memberi kesan kepada proses penerapan nilai patriotisme dalam kalangan murid. PK1 dan PK2 memberi contoh seperti nilai taat setia kepada pemimpin agak sukar diterapkan kepada murid apabila berlaku percanggahan pandangan mengenai nilai berkenaan. PK2 menambah,

kesedaran semangat patriotik dalam kalangan keluarga dan masyarakat setempat juga boleh mempengaruhi kefahaman murid untuk mempelajari nilai patriotisme. Persekitaran sebegini menjadikan pengetahuan sedia ada murid mengenai patriotisme agak cetek.

PERBINCANGAN

Guru sebagai pelaksana kurikulum seharusnya positif terhadap arahan pelaksanaan sepertimana Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran(DSKP). Dalam DSKP Sejarah KSSR, nilai patriotisme merupakan salah satu komponen dalam pengajaran elemen kewarganegaraan dan nilai sivik. Seseorang guru harus memahami sukatan pelajaran terlebih dahulu secara mendalam, baharulah proses menterjemah segala keperluan kurikulum pengajaran itu dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dalam merangka proses pengajaran dan pembelajaran (Mohmad Nor 2006; Nurhijrah 2017). Pengetahuan dan kefahaman guru mengenai sukatan pelajaran dan kurikulum mata pelajaran Sejarah menjadi satu keperluan agar penyampaian kurikulum mencapai matlamatnya. Menurut Mohamad Khairi & Asmawati (2010), pendidikan dan penerapan nilai tidak boleh diasingkan. Sesuatu pendidikan tidak akan bermakna dan sempurna sekiranya tidak diintegrasikan dengan penerapan nilai murni kerana nilai akan mencorakkan pemikiran dan tingkah laku seseorang. Pendidikan memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan strategi untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam diri pelajar (Anuar et al. 2015).

Guru didapati memahami konsep penerapan nilai patriotisme dalam PdP Sejarah daripada segi tujuan, pelaksanaan dan tanggungjawab. Hamimah(2007) mendapati guru memahami bahawa menjelaskan konsep penerapan nilai patriotisme iaitu memasukkan nilai-nilai dan semangat patriotisme kepada pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung. Namun begitu guru masih lagi tercari-cari cara penerapan nilai patriotisme yang berkesan. Walaupun wujud masalah dalam menerapkan nilai patriotisme yang disebabkan oleh beberapa faktor seperti masa PdP yang terhad, kemahiran dan kreativiti guru, tingkahlaku murid, pengaruh persekitaran dan media serta percanggahan persepsi terhadap negara, guru masih percaya bahawa guru perlu menyebutnya semasa PdP serta menunjukkan contoh yang baik sebagai suri teladan jika ingin memupuk semangat patriotism kepada murid. Sebenarnya banyak kaedah penerapan nilai yang belum diteroka oleh guru kerana kebanyakan guru masih menganggap nilai patriotism boleh diajar secara tidak langsung sahaja.

Isu mengenai masa PdP yang terhad yang menyebabkan guru kurang kesempatan untuk memupuk semangat patriotisme selari dengan dapatan kajian oleh Anuar et al. (2015). Masa PdP yang kurang mencukupi menyebabkan domain afektif seperti pemikiran nilai-nilai patriotisme

berdasarkan isi kandungan Sejarah kurang diberikan tumpuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Kebanyakan guru telah mengabaikan unsur patriotisme dan nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru dilihat lebih menekankan pengajaran fakta-fakta sejarah yang terdapat di dalam buku teks berbanding dengan pembelajaran nilai. Pengajaran nilai patriotisme yang disisipkan secara tidak langsung dalam mengingat semula peristiwa sejarah melalui penghafalan sudah semestinya tidak dapat mencapai tahap penghayatan nilai yang lebih tinggi. Penerapan nilai patriotisme merupakan pembelajaran yang menggerakkan domain afektif murid dan tahap penguasaan pembelajaran nilai dapat dilihat dalam taksonomi afektif. Berdasarkan taksonomi Krathwol et al. (1973), tahap yang paling rendah sekali dalam pembelajaran afektif ialah menerima, memberi respons, membuat penilaian, mengorganisasi nilai dan akhir sekali membina karakter. Pengajaran nilai yang berkesan adalah pengajaran yang menyentuh hati dan emosi murid. Pengajaran yang menyentuh hati boleh dilaksanakan melalui pertimbangan nilai yang menggunakan pemikiran yang kritis agar nilai dihayati dan diamalkan bagi membentuk satu tingkah laku yang positif.

Isu keberkesanan pengajaran nilai sebenarnya yang memerlukan guru yang kompeten bukan sahaja dalam pengetahuan sejarah, malah mengetahui tentang pengurusan tingkah laku murid bagi menjadikan pengajarannya tentang nilai menjadi lebih berkesan. Dalam pengajaran nilai, Veugelers & Vedder (2003) menyarankan, ransangan nilai dan komunikasi yang lebih baik perlu diberi oleh guru agar murid dapat berfikir secara aktif dan memberi respons terhadap nilai yang dibincangkan. Pemupukan nilai patriotisme kepada murid dapat dilaksanakan melalui kepelbagaian kaedah mengajar. Pembelajaran secara aktif menggalakkan murid berfikir, memberi respon, membuat penilaian, menyusun nilai dan bertindak yang akhirnya dapat membina keperibadian murid. Walaupun pembelajaran berpusatkan murid diutamakan dalam PdP, peranan dan cara guru mengajar tetap penting. Pengajaran guru secara didaktik dan cara guru menghuraikan nilai-nilai yang bercanggah dengan situasi juga merupakan satu amalan pengajaran yang dapat membantu murid belajar tentang nilai (Veugelers & Vedder 2003).

Guru juga menghadapi cabaran karenah murid yang kadangkala mengganggu proses PdP di dalam bilik darjah. Anuar et al.(2015) mengakui bahawa, keterlibatan pelajar yang kurang memberangsangkan dalam proses PdP menyukarkan guru-guru untuk menerapkan nilai patriotisme melalui Pendidikan Sejarah secara berkesan. Menurut Shulman(1986), pembelajaran yang berkesan berasaskan kepada empat komponen iaitu pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi kandungan, pengetahuan pedagogi umum serta pengetahuan tentang pelajar dan pembelajaran pelajar. Dalam aspek pembelajaran nilai, keempat-empat komponen ini seharusnya diaplikasikan oleh guru semasa PdPc.

Dalam banyak perkara, guru adalah suri teladan kepada murid-muridnya. Berdasarkan teori pembelajaran sosial (Bandura, 1986), pembelajaran nilai boleh berlaku berdasarkan peniruan tingkah laku orang yang lebih dewasa. Bandura memandang orang dewasa adalah suri teladan yang baik dan murid mengambil contoh tingkahlaku gurunya. Pandangan ini selari dengan kajian Fatih (2016). Kompetensi murid mendapatkan pembelajaran mengenai pendidikan kewarganegaraan dipengaruhi oleh pengetahuan, kepercayaan, sikap, tingkah laku dan persepsi guru tentang nilai kewarganegaraan. Kajian Nurhijrah (2017) mendapati, guru sejarah perlu menunjukkan semangat patriotik kepada pelajar kerana guru adalah suri teladan yang boleh memberi pengaruh kepada kepercayaan dan pembentukan nilai oleh pelajar.

Satu yang mengejutkan juga daripada kajian apabila perbezaan perspektif politik ibubapa dengan kerajaan semasa juga menjejaskan kefahaman dan penerimaan konsep patriotisme murid. Anuar et al. (2015) juga mendapati perspektif politik yang berbeza boleh mewujudkan pemahaman konsep patriotisme yang tidak homogen. Nilai patriotisme yang diajar kurang diterima oleh murid apabila wujudnya isu yang bercanggah dengan nilai-nilai yang diajar. Percanggahan ini menimbulkan konflik dalam pemikiran murid mengenai nilai-nilai patriotisme yang mahu diterapkan oleh guru. Konflik nilai dalam kalangan murid ini juga dipengaruhi oleh perasaan prejudis ibubapa terhadap mata pelajaran Sejarah yang dianggap sebagai satu indoktrinasi fahaman politik tertentu serta media massa dan sosial. Cabaran seperti inilah yang memerlukan guru Sejarah bijak menggunakan pelbagai kemahiran untuk membuat rasionalisasi kepada murid yang diajar supaya murid memahami dan dapat menghayati nilai patriotisme.

RUMUSAN

Penerapan nilai patriotisme penting bagi melahirkan anak bangsa yang cinta, menghargai dan bertanggungjawab kepada negara sendiri. Penerapan nilai ini perlu dimulakan sejak dibangku sekolah rendah lagi agar sehati dengan jiwa lebih baik. Guru memainkan peranan penting untuk menerapkan nilai patriotisme kepada murid bukan sahaja untuk mengetahui tentang nilai patriotisme malah sehingga murid boleh menghayati dan mengamalkan tingkah laku patriotik. Inisiatif guru untuk mempelbagaikan kaedah mengajar nilai patriotisme agar penerapan nilai patriotisme dilaksanakan secara lebih berkesan dilihat sebagai satu usaha yang sangat baik lebih-lebih lagi dalam keadaan negara yang masih berperang dengan penularan wabak Covid-19. Kefahaman guru yang jelas mengenai aspirasi pendidikan negara juga penting kerana guru akan menterjemahkan falsafah itu dalam bidang tugas masing-masing. Secara tidak langsung akan dapat merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang holistik dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani yang dapat menyumbang kepada keharmonian dan kesejahteraan negara pada masa hadapan. Justeru itu, guru perlu bijak dan

memainkan peranan penting dalam mendepani isu dan cabaran untuk menerapkan nilai patriotisme dalam PdP.

RUJUKAN

Abdul Aziz Abdul Rahman, Abdul Razaq Ahmad, Mohd Mahzan Awang, Jamil Ahmad(2015). Pembinaan dan pengesahan instrumen bagi mengukur amalan patriotisme dan toleransi kaum belia pelbagai kaum. *Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education*, November 5-7, 2015. 1, 38-55.

Akta Pendidikan 1996

Anuar Ahmad, Ling, Peter Huo Hang, Nur Atiqah Tang Abdullah (2015). Pengetahuan nilai patriotisme pelajar berdasarkan pembelajaran subjek Sejarah. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 13, 95-116.

Anuar Bin Ahmad. 2001. Warganegara patriotik, masyarakat sivil dan Pendidikan Sejarah. Kertas kerja *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sejarah ke Arah Pembentukan Warganegara Patrotik*. Anjuran Pusat Perkembangan Kurikulum dan Persatuan Sejarah Malaysia. Kuala Lumpur, 8-12 Oktober

Bandura, A. (1986). *Social Foundations of Thought and Action*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall

Bahagian Pembangunan Kurikulum (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sejarah KSSR Tahun 4*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia

Berg, B.L. (2004) *Qualitative Research Methods for the Social Sciences*. 5th Edition, Pearson Education, Boston.

Berns, W. (1997). "On Patriotisme." *Public Interest*, Spring, 9.

Chua Kheng Hoe (2007) Pembangunan patriotisme dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah Tingkatan Dua: Perbandingan antara empat jenis sekolah. Tesis Sarjana Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Dewan Bahasa dan Pustaka (2004) *Kamus Dewan*. Edisi ke -4

Doob, Leonard. (1964). *Patriotisme and Nationalism: Their Psychological Foundations*. New Haven: Yale University Press.

- Fatih, O, Serdar, M & Arife, E (2016). Patriotisme as Perceived by Social Studies Teachers: An Outlook on the Individual, *Society and Education*. PAU Egit Fak Derg, 40: 205-218
- Gillham, B. (2000). *The research interview*. London: Continuum International Publishing Group.
- Gomberg, P. (2002). Patriotisme is like racism. Dlm. Primoratz, I. (Pnyt.). *Patriotisme*, hlm. 105-112. London: Humanity Books.
- Griffin, D. (2005). *Patriotisme and poetry in eighteenth-century Britain*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Holmes, J.S. & van Marle, H. (1959). *Patriotisme and nationalism in European history*. New York: Meridian Books.
- Hamidi Ismail, Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, Shamsul Anuar Nasarah, Wasitah Mohd Yusof, Zaheruddin Othman (2017). *Malaysian Journal of Youth Studies*. 16, 87-100.
- Haminah Suhaibo (2007). *Pemupukan patriotisme dalam Pendidikan Sejarah*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan: Universiti Malaya.
- Kenner, C.L. (2004). *Buffalo soldiers and officers of the ninth cavalry, 1867-1898: black and white together black valor*. Lanham, Maryland: Scarecrow Press.
- MacIntyre, A. (1995). Is patriotisme a virtue?. Dlm. Beiner, R. (Pnyt.). *Theorizing citizenship*, hlm. 209-228. New York: State University of New York Press.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Kementerian Pendidikan Malaysia. Diakses daripada <https://www.moe.gov.my/>.
- Krathwohl, D.R., Bloom, B.S., Masia, B.B. (1973). Taxonomy of educational objectives, the classification of educational goals. Handbook II: Affective Domain. New York: David McKay Co., Inc
- Ku Hasnita & Mohd Haizam (2011). Kepentingan pendidikan patriotisme terhadap warganegara Malaysia. *Jati*, Vol.,16, December 2011, 23-34
- Lickona, T (1993) The Return of Character Education. *Educational Leadership*, 51(3) 6 -11
- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid. 2010. Peranan sekolah dan guru dalam pembangunan nilai pelajar menerusi penerapan nilai murni: Satu sorotan. *MALIM – SEA Journal of General Studies* 11: 117-130.

- Mohmad Noor Mohmad Taib(2006), *Kesan pengajaran terus nilai dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah bagi penerapan patriotisme*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhamad Azian Saad, Mohamad Ali Haniffa (2018). Patriotisme dalam kalangan siswa guru Institut Pendidikan Guru di Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 3(22)-49-68
- Nordin (2003) Konsep patriotisme. <http://www.btn.gov.my/kp>
- Nurhijrah Zakaria (2017). *Elemen kompetensi pelbagai budaya dalam pengajaran dan pembelajaran bagi guru Sejarah*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saifuddin Abdullah. 2002. Patriotisme Alaf Baru. Kertas Kerja dibentangkan di *Kongres Patriotisme Negara*, Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara Malaysia, Bangi pada 22 - 28 Oktober 2002.
- Shulman, L. (1986). Those who understand: Knowledge growth in teaching. *Educational Researcher*, 15(2), 4–14.
- Veugelers, W & Vedder, P (2003) Values in teaching. *Journal Teachers and Teaching: Theory and practice*. 9(4), 377-389. Diakses daripada <https://doi.org/10.1080/1354060032000097262>.